

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN [PM 22(5)]**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) definisi dan kriteria klasifikasi isi rumah miskin tegar, miskin dan terkeluar dalam sistem eKasih; dan
- (b) mengapakah jumlah pendaftaran eKasih setakat Jun 2019 hanya sebanyak 642,550 isi rumah, sedangkan terdapat 2.76 juta isi rumah B40 menurut statistik pendapatan isi rumah 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah membangunkan Sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kepada kategori Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa (tahun 2016) iaitu purata nasional RM980 sebulan. Namun PGK yang ditentukan berbeza-beza mengikut negeri/sama ada di kawasan bandar atau luar bandar dan berdasarkan per kapita (mengikut bilangan ahli isi rumah).

PGK tersebut ditentukan berasaskan perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016. Hanya terdapat tiga kategori status kemiskinan dalam Sistem eKasih iaitu Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar. Oleh yang demikian, tidak terdapat data B40 (pendapatan RM4,360 sebulan dan ke bawah, tahun 2016) dalam Sistem eKasih.

Takrifan isi rumah Miskin Tegar semasa yang diguna pakai oleh Kerajaan adalah berdasarkan PGK berasaskan makanan. Sekiranya sesebuah isi rumah mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat, maka ia dikategorikan isi rumah miskin tegar. Selain itu, sesebuah isi rumah dianggap Miskin sekiranya pendapatan bulanan kurang daripada PGK makanan iaitu pendapatan mencukupi untuk memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan. Sesebuah isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi PGK makanan disenaraikan sebagai Terkeluar.

**SOALAN NO : 29**

Negeri	Miskin (RM)						Miskin Tegar (RM)					
	Bandar		Luar Bandar		Jumlah		Bandar		Luar Bandar		Jumlah	
	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita
Johor	944	245	850	214	923	239	606	154	564	139	597	151
Kedah	872	234	850	210	866	227	558	147	571	139	562	144
Kelantan	935	213	854	188	894	201	662	148	602	130	632	139
Melaka	959	243	867	215	953	241	611	151	569	138	608	150
Negeri Sembilan	874	235	813	228	858	233	562	147	523	142	551	146
Pahang	960	242	889	217	931	232	637	157	608	145	625	152
Pulau Pinang	944	260	993	230	946	258	575	154	628	142	578	154
Perak	839	233	792	211	828	228	558	151	539	140	553	149
Perlis	888	224	879	204	884	216	569	141	603	138	582	140
Selangor	1,038	258	951	223	1,033	256	630	153	626	143	630	153
Terengganu	1,047	229	1,016	217	1,036	225	729	157	704	148	721	154
Sabah	1,154	262	1,215	255	1,176	259	684	150	791	161	723	154
Sarawak	1,068	262	941	244	1,016	255	725	174	618	156	681	167
W.P. Kuala Lumpur	1,069	302	n.a	n.a	1,069	302	601	165	n.a	n.a	601	165
W.P. Labuan	1,154	259	1,281	254	1,168	259	682	150	839	164	699	151
W.P. Putrajaya	1,083	284	n.a	n.a	1,083	284	588	151	n.a	n.a	588	151

**Sumber Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)**